

# GAYA PENGAJARAN GURU DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

Kamarul Azmi Jasmi  
Noratikah Ibrahim  
Mohd Faez Ilias

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

## Suggested Citation:

Jasmi, K. A., Ibrahim, N., & Ilias, M. F. (2012). Gaya Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam in *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012])* at Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on 8-9 March 2012, pp. 211-223. ISBN 99917-44-89-4.

## ABSTRAK

Menjadi seorang guru yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran bukanlah suatu perkara yang mudah. Semuanya adalah bergantung kepada gaya pengajaran guru itu sendiri. Adakalanya pengalaman mempengaruhi gaya pengajaran dan pembelajaran guru selain daripada penerapan ilmu pengetahuan yang dimiliki. Adapun ciri guru yang berkesan itu bergantung kepada gaya pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan melalui pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki. Maka kekerapan dalam menerapkan gaya pengajaran banyak mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran seseorang guru. Kertas kerja ini cuba membincangkan secara terperinci gaya pengajaran seseorang guru yang banyak membantu dalam kecemerlangan penyampaian pengajaran.

## REFERENCES

- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Mok Soon Sang (2011). *Pedagogi untuk pengajaran & pembelajaran*. Malaysia: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Mok Soon Sang (2011). *Psikologi Pendidikan*. Malaysia: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Sandra Goss Lucas, Douglas A. Bernstein (2005). *Teaching Psychology A Step By Step Guide* LondonLawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abd. Aziz Abd. Shukor, Ramlah Jantan, Roslinda Mustapha, Hazalifah Hamzah (2009). *Pembelajaran Dan Perkembangan Pelajar*. Malaysia: Penerbit Oxford Fajar Sdn. Bhd.

# **GAYA PENGAJARAN GURU DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM**

Kamarul Azmi Jasmi  
Noratikah Ibrahim  
Mohd Faez Ilias

## **Abstrak**

Menjadi seorang guru yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran bukanlah suatu perkara yang mudah. Semuanya adalah bergantung kepada gaya pengajaran guru itu sendiri. Adakalanya pengalaman mempengaruhi gaya pengajaran dan pembelajaran guru selain daripada penerapan ilmu pengetahuan yang dimiliki. Adapun ciri guru yang berkesan itu bergantung kepada gaya pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan melalui pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki. Maka kekerapan dalam menerapkan gaya pengajaran banyak mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran seseorang guru. Kertas kerja ini cuba membincangkan secara terperinci gaya pengajaran seseorang guru yang banyak membantu dalam kecemerlangan penyampaian pengajaran.

Kata kunci: gaya pengajaran, ciri guru berkesan, pengajaran dan pembelajaran, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

## **PENGENALAN**

Kertas kerja ini membincangkan gaya pengajaran yang mana dimulakan dengan menyentuh ciri-ciri guru berkesan, kaedah kuliah atau syarahan yang berkesan dan perancangan kuliah. Seterusnya cara menyediakan nota kuliah, sentiasa menarik minat pelajar, cara penyampaian kuliah dapat dilihat dan didengar, membina pengajaran dengan bahan audiovisual, maklum balas dari pelajar, memberikan banyak contoh, memberi penekanan terhadap hubung kait, praktik, praktik, praktik (latihan yang berterusan) dan cara menutup kuliah. Selain itu, ia akan menyentuh serba sedikit kaedah-kaedah pengajaran iaitu menggalakkan pembelajaran aktif, menjalankan demonstrasi yang berkesan, penggunaan soal jawab dalam pengajaran, cara menjawab pertanyaan pelajar, cara bertanya soalan pada pelajar, menggalakkan perbincangan dalam kelas, memberi tugas pembentangan pada pelajar, mewujudkan peluang untuk pembelajaran koperatif, khidmat masyarakat sebagai satu proses pengajaran, menggalakkan pemikiran kritis, gaya pengajaran dan saiz kelas serta hari terakhir berada di dalam kelas atau sekolah.

## **CIRI GURU BERKESAN**

Menurut *kamus Dewan* (1993), guru adalah merujuk kepada pendidik, pengajar dan pengasuh. Memang sudah maklum bahawa guru merujuk kepada suatu kerjaya yang tugasnya menyampaikan ilmu pengetahuan. Peranan guru bukan sahaja menyampaikan ilmu tetapi juga tidak terlepas dari tugas mendidik anak-anak bangsa.

Menurut Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2007), guru adalah aset yang sangat penting dalam dunia pendidikan dan guru mempunyai tugas yang sangat besar dalam

melahirkan anak-anak bangsa yang berguna. Peribadi seorang guru juga memainkan peranan yang sangat penting dalam dunia pendidikan, kerana guru akan menjadi ikutan atau teladan bagi murid-murid.

Terdapat beberapa ciri guru yang berkesan, iaitu melayan pelajar dengan perasaan hormat, menyediakan maklumat yang relevan dan sesuai dipelajari, pengajaran secara aktif, ikut serta dalam pembelajaran pelajar secara praktikal, kaedah pengajaran yang berbeza-beza, memberikan maklum balas yang kerap kepada pelajar mengenai prestasi mereka, mengenalkan dunia sebenar, memberikan gambaran atau penerangan yang jelas untuk tugas, mewujudkan persekitaran kelas yang selesa untuk pelajar, berkomunikasi dengan pelajar-pelajar dari pelbagai peringkat, memperkenalkan diri mereka di dalam kelas sebagai "orang sebenar atau diri mereka yang sebenar", menggunakan maklum balas daripada pelajar-pelajar dan orang lain untuk menilai dan memperbaiki pengajaran mereka, membuat refleksi pada prestasi kelas mereka sendiri dalam usaha untuk memperbaiki mutu pengajaran (Lucas dan Bernstein, 2005).

Walaupun ciri-ciri guru yang berkesan mempunyai persamaan bagi kedua-dua jantina, lelaki dan wanita mungkin perlu mencari cara yang sedikit berbeza dalam berkomunikasi dengan pelajar-pelajar. Sebagai contoh, pelajar mungkin mendapati bahawa guru wanita yang lebih mudah dan agak kurang menakutkan daripada guru lelaki, yang mana mungkin lebih mudah bagi wanita untuk menyampaikan sifat penyayang mereka.

Secara umum, kita tidak perlu menjadi diri orang lain untuk menjadi seorang guru yang ideal. Anda tidak perlu mengikuti orang lain yang ideal atau seorang guru yang berkesan. Seperti anda yang hendak memulakan untuk membangunkan gaya pengajaran anda sendiri, tidak perlu berasa perlu untuk mencontohi guru kegemaran anda-melainkan jika gaya orang itu dan anda sendiri benar-benar sama. Dalam pada masa yang sama adalah lebih baik untuk hanya menjadi diri sendiri. Jika anda mempunyai yang sifat lucu, jangan cuba menyekat atau menahan sifat lucu dalam diri anda di dalam kelas. Walau bagaimanapun, jika anda biasanya tidak pandai dalam berjenaka, jangan cuba untuk menjadi pelawak di dalam kelas. Sebenarnya pelajar-pelajar lebih menyukai dan menghormati guru-guru yang memaparkan gaya keperibadian yang jujur dan selagi mana guru mengambil berat tentang mereka terutamanya dalam pengajaran. Dengan masa yang sama, mereka tidak menyukai sifat suka menunjuk-nunjuk, lucu dan berpura-pura.

Begitu juga, walaupun ia adalah penting untuk mengambil berat tentang pengajaran dan pelajar anda, anda masih perlu mencari jalan yang sesuai untuk berkomunikasi dengan penuh kasih sayang. Satu kunci penting untuk pengajaran yang berkesan adalah untuk menerapkan motivasi dan menanamkan niat yang baik dalam pengajaran anda. Ini bermakna pembelajaran dan mengasah pelbagai kemahiran yang lebih khusus yang mana boleh membantu anda untuk menjadi seorang guru yang berkesan.

## **KAEDAH KULIAH ATAU SYARAHAN YANG BERKESAN**

Teknik syarahan merupakan teknik utama yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam penyampaian ajarannya (Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, 2007). Sebagai pelajar, kita semua tahu bahawa kuliah amat membosankan, tetapi kebanyakan daripada kita juga mengetahui bahawa apabila kuliah itu disusun dengan baik dan disampaikan dengan baik juga, maka kuliah juga boleh menjadi kaedah yang berkesan. Terdapat beberapa maklumat dan panduan untuk menyediakan dan menyampaikan kuliah yang berkesan. Antaranya ialah:

### **Membuat Perancangan Kuliah**

Pertama, menentukan isi kandungan yang hendak dimuatkan di dalam kuliah dan kemudian menyediakan satu set nota atas bahan itu.

**Menyediakan Nota Kuliah**

Sesetengah guru suka menulis nota-nota yang panjang. Pada permulaan mungkin cara penulisan nota panjang ini menyelamatkan pada awal pengajaran terutama dalam menolong anda untuk mengingat perincian dalam bahan kuliah. Tetapi lama-kelamaan nota yang seperti ini akan membuat pelajar cenderung untuk membaca sahaja dan ini akan membuat keadaan membosankan dan pengalaman yang tidak selesa bagi pelajar dan anda sendiri. Hasilnya, kuliah akan menjadi lebih rumit, tetapi ia juga boleh diubah menjadi butir-butir khusus sehingga anda menjadi lebih berpengalaman dan yakin. Contohnya, guru-guru pendidikan Islam yang sudah terbiasa dengan kandungan kursus mereka akan bergantung sepenuhnya pada senarai ringkas bagi mengingatkan mereka turutan kuliah yang telah dirancang oleh mereka, semua maklumat dan contoh-contoh yang sudah sebatu dalam ingatan mereka dan hanya memerlukan klu-klu yang minimum untuk mengimbas balik nota yang telah disediakan.

**Sentiasa Menarik Minat Pelajar**

Dalam perancangan kuliah anda, anda harus ingat bahawa terdapat had ke atas tahap tumpuan pelajar anda dan kapasiti pemprosesan maklumat. Sebagai contoh, perhatian pelajar biasanya tertinggi dalam tempoh 10 minit pertama kuliah, selepas itu ia akan menurun melainkan jika ada sesuatu yang dilakukan untuk menarik ia semula. Malah, beberapa kajian menunjukkan bahawa pelajar purata hanya dapat menyerap kira-kira tiga hingga lima perkara utama dalam mana-mana kuliah tertentu. Oleh itu, guru yang efektif akan merancang kuliah yang mana hanya menumpukan kepada beberapa perkara utama, menyampaikan maklumat mengenai setiap perkara dalam beberapa cara untuk memaksimumkan peluang yang semua orang dapat memahami bahan yang disampaikan.

Lebih-lebih lagi dengan mengadakan kuliah untuk mengimbas kembali minat pelajar dan perhatian mereka. Mungkin cara terbaik adalah dengan membahagikan setiap tempoh kelas kepada 4-5 segmen dalam 10 hingga 15 minit. Kemudian merancang satu segmen terutamanya membuat sesuatu yang menarik, memberikan kejutan atau menawan hati pelajar dengan memberikan sebuah cerita, memberikan permasalahan, mengungkapkan dilema, menerangkan misteri atau menanyakan soalan. Dengan memasukkan kandungan bahan berfaedah yang telah anda rancang, anda akan mendapat semula penglibatan kelas. Mempunyai fleksibiliti yang dibina dalam kandungan kuliah anda boleh mendapat peluang yang besar dalam memastikan pelajar anda memberikan perhatian (Lucas dan Bernstein, 2005).

**Cara Penyampaian Kuliah**

Rangsangan juga dilihat dapat membantu menarik perhatian pelajar, bila masa untuk kita berjalan ke dalam bilik darjah dan menyampaikan kuliah yang dirancang, perlu diingat bahawa langkah pertama dalam memastikan pelajar anda bersama anda dari segi mental, adalah kehadiran yang jelas dari segi fizikal.

**Dapat Dilihat Dan Didengar**

Sebagai guru, pastikan semua pelajar boleh melihat anda. Adalah digalakkan untuk berdiri ketika menyampaikan kuliah dan memastikan anda berasa selesa. Tetapi jika cedera atau hilang upaya dan memerlukan anda untuk menjalankan kuliah secara duduk, cuba untuk meletakkan diri anda di platform atau lokasi lain yang tinggi, terutama di kelas yang mana tempat duduk teratur. Dalam bilik darjah rata, pelajar-pelajar di belakang mungkin terutamanya mungkin hilang fokus jika anda membiarkan suara anda tenggelam. Dicadangkan juga, bahawa anda perlu bergerak di sekitar bilik, mungkin juga berjalan di kalangan pelajar jika anda selesa berbuat demikian. Selain itu, pergerakan tangan yang anda gunakan ketika bercakap mewujudkan

pelbagai visual yang menarik perhatian pelajar anda, tetapi jangan melampaui batas. Pelajar akan merasa ia mengganggu, malah menjengkelkan, apabila guru mundar-mandir atau dalam tindakan yang berulang-ulang seperti bermain penutup pena.

Walaupun anda melakukan pergerakan atau hanya berdiri, anda boleh menarik perhatian pelajar dengan sentiasa mengimbas kelas dan membuat hubungan mata (*eye contact*) dengan semua pelajar dari masa ke masa. Setengah pelajar akan membalas pandangan itu kembali yang menunjukkan perhatiannya lebih daripada yang lain dan ini membuatkan anda lebih cenderung untuk melihat pada orang yang sentiasa bersama anda. Walaupun penglibatan pelajar yang lain kurang tetapi anda boleh menarik tumpuan mereka dengan membuat *eye contact* dengan mereka supaya mereka tahu bahawa anda sedang bercakap dengan mereka juga.

Pastikan juga semua pelajar dapat mendengar apa yang anda sampaikan. Jika anda mengajar dalam bilik yang besar dan anda mempunyai suara yang lembut, anda perlulah menggunakan mikrofon atau pembesar suara. Bila anda merasakan suara anda dapat didengar maka gunakan suara anda untuk menarik perhatian pelajar-pelajar. Bercakap dengan lemah lembut, terlalu cepat atau bercakap dengan nada yang sama pasti akan menghilangkan minat pelajar. Kemungkinan besar lagi akan membuat mereka tidur di dalam kelas. Jika anda tidak pasti bagaimana bentuk bunyi suara anda, rakam suara anda seperti anda mengajar secara olok-olok, kemudian dengar semula dan cuba untuk tidak terpengaruh dengan kelantangan suara, kejelasan dan kualiti pada suara anda. Cuba minta pendapat daripada kawan atau rakan dan meminta mereka memberikan ulasan atau komen pada rakaman tersebut. Jika anda tidak gembira dengan apa yang anda dengar maka usahakan untuk bercakap dengan suara yang lantang, lebih jelas dengan mempelbagaikan intonasi suara untuk membuat pelajar sentiasa berminat dan cergas.

### **Membina Pengajaran Dengan Bahan Audiovisual**

Bahan audiovisual juga dapat membantu dalam menarik perhatian pelajar juga, maka gunakanlah bila ia perlu. Sebagai contoh, tidak perlu bergantung kepada perkataan anda semata-mata untuk menumpukan perhatian pelajar. Lihatlah klip video, CD-ROM, *powerpoint slide* yang memuatkan perkara-perkara yang penting dalam rancangan pengajaran. Boleh juga mempersembahkan sebahagian dari bahan-bahan pelajaran dalam kertas edaran yang mana pelajar dapat mencatat nota-nota penting

### **Maklum Balas Dari Pelajar**

Bagaimana jika pelajar tidak terus memahami perkataan-perkataan yang anda gunakan? Adakah sebelum ini anda mempelawa pelajar-pelajar untuk mengangkat tangan kalau mereka tidak faham sesuatu dalam kuliah anda? Mungkin hanya sebilangan yang berbuat demikian dan bertanya akan definisi atau ejaan dan bertanya, tetapi kebanyakannya tidak. Jika anda khuatir sama ada pelajar anda faham akan perkataan-perkataan yang anda sampaikan atau tidak maka ambil jalan selamat iaitu memberikan masa untuk anda memberi definisi dan mengejanya. Jadilah seorang yang proaktif dalam menangani masalah dan kekeliruan dalam perkara lain juga. Berhenti sekejap dan tanyakan jika ada apa-apa yang hendak ditanya oleh pelajar mengenai apa yang anda telah sampaikan sebelum itu. Anda boleh mengukur dan menilai berapa kerap anda melakukan ini berdasarkan ekspresi muka pelajar dan postur badan mereka.

Apabila anda melihat ada di antara pelajar mengerutkan dahi beberapa kali, berkerut kening atau ada di antaranya keliru atau hilang minat, jadi itu adalah masa yang sesuai untuk berhenti dan memberi maklum balas yang lebih jelas. Bila anda melihat tanda-tanda ini pada diri pelajar, walaupun guru itu adalah seorang yang efektif dan berpengalaman, ada di antara pelajarannya juga mudah rasa bosan, tertidur atau meninggalkan kelas awal, kalau anda menghadapi

situasi sebegini, jangan terlalu berkeras pada mereka jika tidak seluruh kelas akan meninggalkan anda.

Jangan bertanya acuh tak acuh seperti “ada soalan?.” Tunjukkan pada pelajar yang anda mengambil berat dengan apa yang telah anda sampaikan pada kuliah anda. Tanyakanlah sesuatu seperti “ok, apa dia perkataan-perkataan yang saya gunakan yang kamu tak faham?” atau “ada soalan setakat ini?” atau “adakah saya terlalu cepat? Perlahan?.” Sebagai tambahan anda boleh menggunakan kaedah pembelajaran aktif untuk menilai tahap kefahaman pelajar.

### **Memberikan Banyak Contoh**

Sebagai tambahan untuk mentakrifkan dan mengeja kata kunci perkataan-perkataan, konsep, prinsip-prinsip dan fenomena, pastikan anda menggambarkan perkataan-perkataan ini sekurang-kurangnya satu gambaran dan sebaiknya biarlah gambarannya itu banyak. Seperti contoh atau analogi. Sebagai contoh, bila anda membentangkan bahan dalam *homeostasis*, berikan beberapa contoh proses *homeostatic*, seperti keupayaan badan untuk mempertahankan tahap suhu atau kadar gula dalam darah. Kemudian untuk membuat konsep itu lebih jelas, anda boleh mengeluarkan isi-isi yang penting dalam proses *homeostatic*, kerana proses itu serupa dengan sistem *thermostat and furnace* untuk mempertahankan suhu di dalam rumah. Dengan mendatangkan banyak contoh, analogi, metafora, dan perumpamaan, anda bukan sahaja mendapat perhatian pelajar anda, anda membuat bahan akan menjadi lebih mudah untuk difahami. Terutamanya jika contoh, analogi, metafora, dan perumpamaan yang jelas, lucu dan yang berkaitan dengan pengalaman hidup pelajar.

### **Memberi Penekanan Terhadap Hubung Kait**

Memang senang bagi pelajar untuk memberi perhatian pada apa yang anda katakan jika mereka dapat melihat tajuk setiap kuliah berhubung kait dengan kuliah yang lain dan berkaitan dengan kursus mereka. Bantu mereka untuk melihat “*big picture*” gambaran yang besar dengan memberi gambaran yang ringkas pada setiap pengajaran ya. Jika anda meletakkan gambaran yang ringkas ini pada papan hitam, skrin komputer atau kertas edaran, pelajar akan mudah merujuk kembali kepada nota-nota tersebut sepanjang pembelajaran. Keluarkan perkara-perkara yang penting dalam topik yang anda bincangkan dan mesti berkaitan dengan apa yang dibincangkan dalam kuliah sebelumnya, atau kepada topik yang akan datang. Sebagai contoh, dalam bab ibadah, tajuk cara membersihkan najis, guru boleh membawa kertas edaran yang berkaitan dan memberi gambaran yang sempurna bagi murid dengan isi pelajaran. Menggunakan kaedah begini dengan menghubungkan peralihan dalam setiap sesi kelas boleh membantu pelajar untuk menerima pengajaran anda sebagai sesuatu yang jelas dan diterima oleh akal.

### **Praktik, Praktik, Praktik (Latihan Yang Berterusan)**

Pegajaran yang disampaikan mesti lancar, menarik, cerita spontan, penuh contoh yang berkesan dan peralihan yang elegan, yang disampaikan oleh guru menggunakan nota sebagai peringatan, bukannya skrip. Untuk mendapatkan kaedah yang ideal memerlukan bertahun-tahun pengalaman. Anda boleh menggunakan video kamera, pita rakaman, kawan atau saudara, atau bahkan haiwan kesayangan anda. Jika anda merakam P&P, kaji semula pita dan tumpukan pada mana-mana tingkah laku, tahap intonasi suara, *dysfluencies* (contohnya, *uhmmms* dan *ah*), atau frasa yang berulang-ulang (contohnya, “ya tahu?” atau “OK?”) Yang mungkin mengganggu dan menjengkelkan pendengar. Kemudian cuba rakam dan dengar sekali lagi dan lihat jika anda mempertingkatkan atau melakukan perubahan terhadap perkara yang anda tidak suka pada kali pertama. Anda mungkin tidak akan mendapati diri anda untuk berhenti dari berkata “OK?”. Akan tetapi dengan melakukan secara praktikal akan membuat anda bangga yang mana kuliah adalah

sesuatu yang senang jika ia bukan pertama kali anda melakukannya (Lucas dan Bernstein, 2005).

### **Cara Menutup Kuliah**

Guru mestilah sentiasa menepati masa, dan dalam 5 minit terakhir tempoh kelas, pastikan pengajaran anda berakhir dengan cara yang dianjurkan dengan meringkaskan perkara yang utama sahaja, atau meminta pelajar untuk berbuat demikian. Jangan ragu-ragu untuk memberitahu sedikit isi pelajaran untuk kelas akan datang. Apabila pelajar mendengar bahawa "hari juma'at ini kita akan mengetahui bagaimana cara anda dibesarkan oleh ibu bapa anda," anda pasti akan melihat banyak daripada mereka akan hadir di dalam kelas akan datang.. Ada juga yang melihat jam dan banyak juga yang sudah mengemaskan barang-barang dan bersedia untuk meninggalkan kelas. Guru boleh mengecilkan skop kecenderungan mereka dengan mengatakan secara lembut bahawa anda tidak akan mengambil masa untuk meneruskan kuliah. Peringatan yang lemah lembut juga akan dapat menghakis masalah ini.

### **MENGALAKKAN PEMBELAJARAN AKTIF**

Kebiasaannya, bila guru mengajar, pelajar akan mencatat nota. Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada kita mengetahui bahawa pelajar hari ini, apabila mereka hanya mendengar apa yang disampaikan oleh guru walaupun mereka seorang yang cemerlang, mereka akan merasa bosan. Sebagai cadangan adalah disarankan pengajaran guru ditambah dengan peluang pembelajaran aktif, agar pelajar dapat:

- (1) Membuat sesuatu yang lebih selain dari melihat dan mendengar,
- (2) Mengusahakan gaya pengajaran dari hanya mencuba untuk menerapkan maklumat,
- (3) Mengaitkan pemikiran yang tinggi terhadap bahan kursus (contohnya, "Apa yang dimaksudkan?" dan bukannya "Apa yang saya sepatutnya ingat?"), dan
- (4) mempunyai peluang untuk meneroka cara-cara di mana bahan kursus berkait dengan sikap dan nilai-nilai mereka.

Anda juga boleh menggalakkan pembelajaran aktif dengan pelbagai cara . Seperti contoh, anda boleh membahagikan kepada kumpulan pelajar satu tugas menyelesaikan masalah, perbincangan kelas persediaan, minta pelajar menulis dan membincangkan "menulis esei dalam satu minit" tentang topik tertentu. Biarkan pelajar menggunakan ibu jari "*thumbs up*" atau "*thumbs down*" sebagai tanda untuk menandakan persetujuan atau tidak dengan kandungan kuliah; dan memberi pelbagai pilihan soalan berdasarkan isi pelajaran yang penting 15 minit sebelum kuliah anda bermula.

Beberapa teknik pembelajaran aktif mudah untuk digunakan dan tidak mengambil masa kelas yang banyak. Lain-lain, seperti perbincangan dalam kelas atau bermain aktiviti peranan, lebih memakan masa dan mungkin menjadi lebih sukar untuk diatur. Oleh itu, mula perlahan-lahan dengan pembelajaran aktif yang mudah, kemudian berkembang kepada yang lebih terperinci jika anda benar-benar berpengalaman dan berkeyakinan dalam menggunakannya.

Ingatlah bahawa teknik pembelajaran aktif tidak perlu menggantikan pendekatan pengajaran tradisional. Sebaliknya, seperti yang dicadangkan sebelum ini, anda boleh menggunakan mereka untuk mewujudkan kepelbagaian dan perubahan kadar kemampuan pada diri pelajar dan anda sendiri bahawa setiap ciri-ciri kelas pelajar menjadi peserta, bukan penonton. Beberapa jenis pengalaman pembelajaran aktif, seperti beberapa minit kerja kumpulan atau kerja individu dalam beberapa masalah atau tugas. Bila pelajar membuat kerja, guru berjalan di sekitar bilik darjah, menjawab pertanyaan pelajar, memberi komen dan sebagainya sebelum kumpulan berpisah untuk kuliah yang seterusnya.

## **MENJALANKAN DEMONSTRASI YANG BERKESAN**

Demonstrasi atau tunjuk cara adalah salah satu kaedah yang sudah wujud lama dalam dunia pendidikan. Demonstrasi adalah cara yang berguna untuk menggambarkan secara meluas konsep, prinsip dan fenomena. Sungguhpun, demonstrasi boleh menjadi sesuatu yang jelas dramatik, ia tidak mempromosikan pembelajaran aktif secara langsung. Banyak demonstrasi seperti yang telah disebutkan di atas adalah sesuatu yang menarik, tetapi jika ia hanya membiarkan pelajar sebagai pemerhati yang pasif, maka ia tidak dianggap demonstrasi yang berkesan. (Lucas dan Bernstein, 2005).

Terdapat 3 prinsip demonstrasi iaitu sebelum, semasa dan selepas. Sebelum demonstrasi guru hendaklah menentukan topik, objektif dan kandungannya terlebih dahulu, memastikan tempat untuk menjalankan demonstrasi selamat dan dapat dilihat dengan jelas oleh murid lain di samping memberitahu pelajar tujuan demonstrasi tersebut dijalankan. Kemudian semasa demonstrasi, guru hendaklah memandang ke arah pelajar semasa menerangkan tentang aktiviti demonstrasi dijalankan, sekiranya pelajar mempunyai masalah sama ada tidak faham, guru hendaklah menerangkannya sekali lagi. Jika ada masa, guru boleh mengarahkan pelajar untuk membuat demonstrasi sekali lagi untuk menilai pemahaman pelajar. Seterusnya, buat perbincangan dengan pelajar berdasarkan demonstrasi yang telah dijalankan untuk membuat rumusan yang tepat (Mok Soon Sang, 2011).

Sejujurnya, pembelajaran aktif memang digunakan di dalam kelas dan demonstrasi adalah salah satu kaedah yang senang dan menyeronokkan bagi pelajar. Sejauh mana keberkesanannya jika anda mengarahkan pelajar untuk berdiri, membuat bulatan, melompat-lompat atau mengarahkan untuk membuat aktiviti yang berkaitan. Demonstrasi yang sebegini ini hanya akan membuat orang berfikir "saya tak sepatutnya melakukan ini". Pendek kata, dicadangkan supaya guru bukan sahaja mengambil setiap peluang mencampuradukkan kuliah dengan demonstrasi, tetapi jika guru memilih untuk membuat demonstrasi maka lakukan semakan dan kajian, supaya pelajar menjadi peserta yang aktif bukan sebagai pemerhati pasif.

## **PENGGUNAAN SOAL JAWAB DALAM PENGAJARAN**

Satu lagi cara yang mudah dan jelas untuk menggalakkan pembelajaran aktif di dalam kelas adalah bertanya soalan kepada pelajar dan menggalakkan mereka untuk bertanyakan soalan kembali kepada guru. Namun secara purata, kurang masa ditumpukan untuk bertanya dan menjawab soalan yang berkaitan. Corak ini adalah mungkin disebabkan oleh hakikat bahawa guru-guru hanya memberi tumpuan kepada bahan pelajaran dalam setiap sesi kelas, yang mewujudkan kecenderungan untuk tidak mengganggu pengajaran mereka dengan bertanya soalan kepada pelajar. Lebih-lebih lagi secara lisan atau tidak, tingkah laku guru juga dapat menghantar mesej bahawa mereka tidak mempunyai masa untuk berhenti demi menjawab soalan yang diajukan oleh pelajar.

Malah orang-orang yang menimbulkan soalan dan yang menyuruh pelajar untuk bertanya soalan, biasanya masalah ini terletak pada bagaimana mereka menyoal pelajar-pelajar mereka dan bagaimana mereka bertindak balas apabila pelajar menyoal mereka. Terdapat beberapa cara di mana anda boleh mengendalikan kedua-dua proses ini dengan cara yang boleh memeriahkan suasana bilik darjah dan membantu pelajar untuk belajar.

### **Menjawab Pertanyaan Pelajar**

Cara guru mengendalikan soalan pelajar boleh menyebabkan dua perkara iaitu guru boleh mengukuhkan atau melemahkan hubungan dengan pelajar. Jika guru menjawab soalan pelajar dengan tidak ada rasa kesabaran atau acuh tak acuh, pelajar akan mendapat mesej bahawa guru tidak peduli tentang pembelajaran mereka dan mereka merasakan tidak perlu bertanya lagi



soalan pada guru. Oleh itu, dicadangkan agar guru membiarkan pelajar-pelajar mengetahui bahawa pada hari pertama kelas atau permulaan penggal lagi, bahawa guru akan menjawab soalan-soalan mereka dengan senang hati.

Kemudian, apabila ada pelajar mengangkat tangan untuk bertanya soalan, kenali orang itu (memanggil pelajar dengan nama, jika boleh) dan mendengar dengan teliti kepada seluruh soalan untuk pastikan guru benar-benar memahami. Jangan mengganggu dengan jawapan yang guru andaikan sahaja kerana guru tahu apa pelajar maksudkan; guru mungkin akan menjawab soalan yang salah!. Berikan pengukuhan dan penekanan secara lisan dan bukan lisan seperti dari tingkah laku, ekspresi dan bahasa badan. Membuat hubungan mata (*eye contact*), menganggu kepala seolah-olah guru faham akan soalan yang ditanya, kalau boleh dekati pelajar tersebut supaya soalan itu dapat didengar dengan jelas. Bila guru diajukan soalan, jangan melihat nota-nota atau bermain dengan komputer atau melihat keluar tingkap. Buatlah pelajar dan seluruh kelas tahu bahawa guru mengambil berat soalan yang diajukan.

Kemudian, ulang balik soalan yang telah diberikan. Langkah ini amat penting untuk memastikan anda faham dengan soalan yang diutarakan terutamanya dalam kelas yang besar. Pelajar akan hilang tumpuan dalam tempoh guru memberikan jawapan jika guru menjawab soalan atau memberi komen dan mereka tidak dapat mendengar suara guru. Jika soalan itu sesuatu yang menarik atau suatu yang biasa, biarkan pelajar tahu yang guru berasa senang hati ditanya soalan itu. Jika guru mampu untuk menjawab soalan tersebut, maka jawablah. Apabila guru sudah selesai menjawab, tanya kembali kepada pelajar adakah jawapan tersebut jelas dan beri pelajar peluang untuk bertanya soalan yang lain.

Guru perlu mempersiapkan diri untuk soalan yang tidak boleh dijawab. Kebanyakan guru akan berhadapan dengan keadaan ini, dan bagaimanakah jika guru tersentak dengan soalan yang diutarakan?. Dalam semua keadaan yang disebutkan di atas, jangan menampakkan diri guru dalam keadaan serabut atau gelisah. Lagipun pelajar tidak mengharapkan guru untuk menjawab soalan mereka dengan jawapan yang sempurna lebih-lebih lagi jika guru masih baru dalam bidang perguruan, tetapi jangan sampai guru mereka-reka jawapan. Ini kerana jika guru berbuat demikian, pelajar akan berasa guru seorang yang berpura-pura dan akan hilang rasa hormat pada guru.

Selain itu, disarankan supaya guru mengikuti empat langkah dalam menangani soalan-soalan yang diajukan. Pertama, mengaku yang guru tidak tahu akan jawapannya. Berikan penghargaan kepada penyoal kerana bertanya akan soalan itu. Kebiasaannya kita akan mengatakan “wow, itu adalah soalan yang bagus. Saya fikir saya tidak dapat menjawab soalan itu.” Kedua, tanyakan pada yang lain adakah mereka mempunyai idea atau jawapan mengenai soalan berikut. Langkah ini akan membuat pelajar menghormati guru dan akan mencadangkan seorang dari mereka yang mengetahui. Ketiga, berjanji kepada pelajar yang guru akan mengkaji soalan tersebut dan akan membuat laporan atau makluman pada kelas seterusnya atau dari e-mail atau dalam *web site*. Keempat, berpegang pada janji. Iklankan atau keluarkan jawapan guru dalam *web site* atau pada kelas seterusnya dengan memberi ringkasan dari jawapan yang diperolehi (Lucas dan Bernstein, 2005).

### **Bertanya Soalan Kepada Pelajar**

Bagaimana jika guru tidak mendapat maklum balas apabila bertanyakan soalan kepada pelajar? Oleh itu, guru boleh kecilkan bentuk soalan atau permasalahan dengan mengaju kembali soalan dengan jelas dan berhati-hati, kemudian berikan pelajar masa yang mencukupi untuk (a) menjawab soalan dan (b) usahakan mereka atau galakkan mereka untuk mengangkat tangan. Menunggu terlalu lama akan membuat suasana janggal serta sunyi menyelubungi kelas. Jika guru memberi pelajar 5 saat untuk memikirkan jawapan, mungkin 6 atau 7 saat terutamanya

bagi soalan yang susah dan kompleks, mereka akan cenderung untuk melihat soalan guru sebagai retorik dan mereka lebih suka mengeluarkan jawapan yang baik saja.

Ketika guru menunggu masa tamat, biarkan pelajar tahu yang guru mahukan jawapan dari mereka. Imbas seluruh kelas dengan muka yang penuh harapan dan buat *eye contact* dengan seluruh kelas. Jika tidak ada yang mengangkat tangan, bersedia untuk memanggil mana-mana pelajar yang dirasakan mampu menjawab soalan. Jika guru lebih berhati-hati ketika mengajukan soalan pada mereka dan bersabar dalam menunggu untuk mendapatkan jawapan, maka pelajar akan lebih cepat memberi tindak balas kepada guru.

## **MENGALAKKAN PERBINCANGAN DALAM KELAS**

Untuk menghidupkan suasana dalam kelas atau pelbagai, kadang-kadang guru akan mempelawa pelajar-pelajar dan memberi peluang untuk berbincang mengenai kursus atau bidang yang berkaitan. Perbincangan juga membantu pelajar untuk berfikir, mengenal dan memberikan pendapat atau pandangan mengenai sesuatu yang mungkin belum mereka ketahui. Seperti kemahiran yang lain, cara untuk menggalakkan perbincangan secara spontan juga memerlukan latihan.

Jika guru merasakan perbincangan perlu diadakan dalam sesi pembelajaran, guru harus merancang hal itu. Di sini disertakan beberapa garis panduan untuk menubuhkan dan menjalankan perbincangan di dalam kelas yang cemerlang. Pertama, jika guru bercadang untuk membuat perbincangan kelas mengenai topik yang sangat berguna, hendaklah memaklumkan pelajar pada kelas yang lepas untuk menyediakan bahan bacaan yang diperlukan. Perbincangan yang sudah dirancang adalah sangat penting, maka guru mesti menyenaraikan tarikh dalam sukatan pelajaran sekali dengan persediaan mengajar. Guru juga mesti menyenaraikan soalan-soalan atau isu-isu dan memaklumpkannya kepada pelajar-pelajar supaya mereka boleh memikirkan pandangan mereka mengenai topik perbincangan dan membuat perkaitan dengan tugas. Ada guru yang menyuruh pelajar untuk memberikan pendapat atau fikiran mereka dalam ujian "*one minute*" atau membuat karangan ringkas dengan segera sebelum perbincangan bermula. Strategi ini digelar "*writing to learn*" iaitu menulis untuk belajar.

Kaedah perbincangan yang efektif juga adalah dengan bertanyakan soalan yang provokatif seperti contoh "apa yang akan kamu katakan kalau pemerintah mengeluarkan cadangan supaya setiap ibu bapa mesti mengikuti kelas keibubapaan dan mengambil lesen yang sah sebelum mempunyai anak?". Kebiasaannya pelajar suka dan gemar memberi tindak balas pada soalan yang bersifat andaian ini. Secara hakikatnya, perbincangan seperti ini amat berjaya dan tugas guru adalah memastikan supaya perbincangan sentiasa dijalankan dalam keadaan penuh penumpuan dan produktif.

Sama ada perbincangan itu dirancang atau muncul sebab tindak balas daripada diri guru sendiri atau pelajar di dalam kelas, guru perlu menggalakkan pelajar untuk menyertai perbincangan dengan memberi ganjaran bagi siapa yang pertama kali memulakan bercakap. Sentiasa memastikan hubungan mata dan anggukkan kepala guru bila mereka bercakap, ulang apa yang mereka telah katakan kepada seluruh kelas dan tanyakan kepada seluruh kelas sebagai tindak balas terhadap apa yang telah mereka katakan.

Sebagai seorang guru, guru adalah contoh yang ideal dalam perbincangan iaitu harus bijak memilih, mengetuai, menjelaskan dan memberi ulasan atau soalan retorik untuk mengikut arus perbincangan dengan tujuan memperkuat nilai pengalaman. Dalam kata lain, cabar pelajar ketika perbincangan, tapi jangan buat mereka merasa terancam. Apabila perbincangan diadakan, mulakan dengan sebuah kumpulan yang kecil. Sebagai contoh, guru boleh mengarahkan pelajar untuk meluangkan masa berbincang pada satu topik, soalan, kes atau isu-isu dalam kumpulan seramai 3-6 orang, kemudian arahkan setiap kumpulan mewakili salah seorang dari mereka untuk merumuskan perbincangan atau kesimpulan.

Sebelum kelas berakhir, guru mempunyai masa untuk meringkaskan perkara-perkara yang penting supaya pelajar tahu mana yang salah dan mana yang betul, terutamanya dalam konsep dan maklumat-maklumat penting. Selain itu, guru harus mencadangkan bahan bacaan tambahan atau *web* supaya pelajar dapat mengetahui maklumat lanjut mengenai apa yang telah dipelajari.

### **MEMBERI TUGAS PEMBENTANGAN KEPADA PELAJAR**

Kebanyakan guru menganggap mereka adalah sumber ilmu pengetahuan di dalam kelas, tetapi ada banyak cara yang membolehkan pelajar belajar dengan usaha mereka sendiri atau sesama mereka. Di sini akan diuraikan pembentangan pelajar yang bernilai. Pembentangan bukan sahaja berpandukan kepada bahan yang terkandung dalam buku teks tetapi ia merangsang pelajar untuk membuat kajian yang mendalam mengenai topik yang hendak dibentangkan. Pelajar yang akan membentangkan juga akan membuat latihan dan akan meningkatkan kemahiran pengucapan umum dalam suasana yang tidak mengancam.

Guru juga harus memberitahu pelajar tentang pembentangan mereka akan dinilai dalam lima perkara: masa, kandungan, gaya penyampaian, penglibatan penonton, dan penggunaan audiovisual. Di samping itu juga setiap pembentangan perlu ada kertas edaran untuk dijadikan nota bagi pelajar-pelajar lain. Setiap pembentangan juga mesti menarik perhatian penonton dan persembahan pelajar juga harus penuh bertenaga supaya pelajar lain boleh melibatkan diri dalam persembahan. sesetengah persembahan ini tidak dapat mengelak dari pandangan yang bercanggah, mereka bertindak sebagai rangsangan untuk membincangkan mengenai apa yang dilihat seolah-olah mempunyai bukti yang baik sebagai sokongan, apa maklumat tambahan yang mungkin diperlukan sebelum membuat kesimpulan akhir, dan sebagainya. Anda juga mungkin menetapkan pelajar untuk mendapatkan maklumat tambahan itu, dan membawanya pada sesi kuliah akan datang

Guru hendaklah menghabiskan masa lima minit pertama menerangkan tiga konsep yang harus pelajar kuasai. Kemudian melantik beberapa pelajar untuk menghuraikan setiap konsep dengan membuat kumpulan-kumpulan kecil dan menghabiskan masa selama 25 minit untuk menggambarkan konsep tersebut. Setiap kumpulan akan membentangkan kesimpulan dari apa yang telah mereka bincangkan.

### **MEWUJUDKAN PELUANG UNTUK PEMBELAJARAN KOPERATIF**

Pembelajaran koperatif bermaksud pembelajaran yang terjadi antara pelajar yang mana dalam pembelajaran ini mereka dapat bekerjasama, biasanya dalam kelas (Mok Soon Sang, 2011). Aktiviti kumpulan kecil yang membawa kepada pembentangan kelas tetapi ada contoh aktiviti pembelajaran kolaboratif dan koperatif. Pembelajaran kolaboratif dan koperatif adalah satu istilah umum yang merujuk kepada pengalaman pembelajaran kumpulan yang boleh terjadi di antara rakan sebaya dalam tutor dan pelajar-fakulti dari penyelidikan projek-projek untuk jangka pendek bagi setiap kumpulan di dalam kelas. Pembelajaran koperatif adalah jenis dari pembelajaran kolaboratif dan ia merujuk dengan lebih khusus kepada aktiviti-aktiviti di mana 2 hingga 15 orang pelajar bekerjasama ke arah matlamat yang sama.

Kumpulan ini boleh formal atau tidak formal. Jika formal, kumpulan pembelajaran koperatif menghabiskan semua atau sebahagian daripada istilah kerja akademik pada percubaan, satu kaji selidik atau penyelidikan jangka panjang atau projek bertulis. Kumpulan pembelajaran koperatif tidak formal boleh terjadi untuk tempoh yang lebih singkat, kadang-kadang hanya untuk beberapa minit, untuk bekerja bersama-sama pada tugas yang mudah.

Kerjasama kumpulan pembelajaran perlu mempunyai dua sifat utama untuk berjaya. Pertama, mereka perlu mewujudkan sifat saling bergantung antara satu sama lain yang positif,

bererti pelajar perlu bekerjasama untuk melakukan tugas mereka. Ciri-ciri ini membantu untuk menggalakkan suasana di mana tidak ada insentif untuk ahli-ahli kumpulan untuk bersaing dengan satu sama lain. Kedua, kumpulan perlu menggalakkan sifat bertanggungjawab bagi setiap individu, bermakna sumbangan setiap ahli untuk usaha kumpulan mesti diukur. Apabila ianya dijalankan dengan betul, kumpulan pembelajaran secara koperatif memberi pelajar peluang untuk menangani bahan-bahan kursus dalam cara yang baru dan menarik di samping memberi pengalaman berharga bekerja dengan orang lain untuk mencapai kejayaan. Kumpulan-kumpulan ini juga membantu pelajar untuk membangunkan kepimpinan, komunikasi dan kemahiran sosial yang lain.

Dalam hal ini, menggalakkan pelajar anda untuk berbincang sesama sendiri bagaimana cara kumpulan bekerja (atau tidak bekerja), secara semula jadinya daripada apa-apa masalah yang mungkin dihadapi dan bagaimana mereka mengatasi masalah. Untuk mendapatkan sebahagian daripada aktiviti pembelajaran koperatif, anda perlu mengambil peranan aktif dalam merancang dan mengawasi mereka. Berikut adalah beberapa cara untuk berbuat demikian. Secara ringkasnya, pertama, jika anda baru kepada kaedah pembelajaran koperatif, mula perlahan-lahan. Kedua, tidak kira betapa mudah atau kompleks tugas anda menyerahkan hak kepada kumpulan, pastikan untuk memperkenalkan dengan jelas. Ketiga, walaupun sesetengah guru melihat aktiviti-aktiviti pembelajaran koperatif-terutamanya yang berlaku semasa kelas sebagai satu peluang untuk berehat, padahal aktiviti-aktiviti pembelajaran kerjasama yang berjaya sebenarnya memperhebatkan hubungan pelajar dengan guru.

### **KAEDAH KAJIAN KES**

Dalam pendidikan Islam, kaedah kajian kes dilihat dapat membantu menarik minat pelajar untuk berbincang mengenai teori akidah yang dipelajarinya, seterusnya mengaplikasikannya terhadap kes yang dibentangkan di dalam kelas (Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, 2007). Dari pembacaan, analisa dan berbincang mengenai kes-kes akan membuka peluang bagi pelajar untuk mengikuti pembelajaran aktif, dan dalam bekerjasama dalam kumpulan yang akan menggunakan kaedah koperatif secara tidak langsung.

Cara penggunaannya di dalam pembelajaran ialah guru bertindak sebagai pemberi arahan akan membacakan kes di dalam kelas, kemudian meminta pelajar untuk berbincang secara meluas dalam kelompok yang kecil. Ada juga di kalangan guru yang memberi kertas edaran mengenai kajian kes dan meminta pelajar untuk membincangkannya pada kuliah yang akan datang. Ada juga yang menyertakan senarai soalan untuk membantu pelajar berfikir mengenai kes berkenaan dan meminta pelajar untuk menghantar maklumat yang ringkas mengenai analisis yang dibuat pada kes. Dari maklumat ini, guru akan memberi penilaian dan menggalakkan pelajar untuk meluangkan masa untuk membaca dan belajar mengenai kes-kes.

Mencari, mencipta dan menggunakan kajian kes di dalam kelas memerlukan banyak masa dan tenaga, tetapi keputusan cukup berbaloi. Berurusan dengan kes-kes juga memeriahkan suasana bilik darjah dan meningkatkan penglibatan pelajar dengan bahan bidang subjek dan antara satu sama lain, semua ini amat berharga dalam kelas yang besar (Lucas dan Bernstein, 2005).

### **KHIDMAT MASYARAKAT SEBAGAI SATU PROSES PENGAJARAN**

Perkhidmatan-pembelajaran merupakan satu pendekatan pengajaran yang mengintegrasikan khidmat masyarakat dengan kajian akademik untuk memperkayakan pembelajaran, mengajar tanggungjawab sivik, dan mengukuhkan komuniti. Antara kelebihanannya ialah membolehkan pelajar belajar dengan menggabungkan teori dengan pengalaman dan pemikiran dengan tindakan untuk melihat kaitan mata pelajaran akademik dalam dunia sebenar untuk melakukan

kerja yang penting dan perlu di samping meningkatkan penglibatan sivik; untuk menghadapi konteks pembelajaran-termasuk pengalaman merentas budaya dan persediaan untuk kerjaya.

Perkhidmatan-pembelajaran boleh digunakan sebagai komponen kecil dalam pengajaran, atau ia boleh menjadi salah satu aspek terasnya. Integrasi ini termasuk mewujudkan kriteria penggredan prestasi pelajar dalam komponen perkhidmatan pembelajaran. Perkiraan hendaklah dibuat untuk membawa pelajar ke tempat yang dituju dan dari penempatan mereka, menjamin keselamatan mereka dan menginsuranskan terhadap tuntutan liabiliti sekiranya berlaku kemalangan atau kecederaan. Pendek kata, kewujudan peluang-peluang perkhidmatan-pembelajaran akan memberikan banyak kerja justeru adalah lebih baik guru yang masih baru dalam pengajaran untuk menanggung usaha melaksanakan perkhidmatan-pembelajaran.

## **MENGALAKKAN PEMIKIRAN KRITIS**

Pemikiran kritis merujuk kepada situasi yang memerlukan pelajar untuk membuat keputusan berpandukan analisa serta penilaiannya pada masalah yang dihadapinya (Mok Soon Sang, 2011). Hampir semuanya menggunakan kuliah, perbincangan kelas, demonstrasi, kajian kes, pembentangan pelajar, dan pengalaman perkhidmatan-pembelajaran untuk menggalakkan pelajar anda untuk berfikir secara kritis tentang Islam, dan tentang kehidupan secara umum. Pemikiran kritikal merupakan proses menilai tuntutan dan membuat pertimbangan berdasarkan bukti yang disokong. Diluaskan lagi takrif itu, pemikiran kritikal adalah penggunaan kemahiran kognitif atau strategi yang boleh meningkatkan kemungkinan hasil yang diinginkan. Ia adalah jenis pemikiran yang terlibat dalam menyelesaikan masalah, merumuskan kesimpulan, mengambil kira kemungkinan, dan membuat keputusan. Pemikir yang kritikal menggunakan kemahiran-kemahiran yang sesuai dan biasanya dengan niat sedar dalam pelbagai tetapan. Apabila kita berfikir secara kritis, kita menilai hasil proses pemikiran kita baik pada keputusan atau masalah yang hendak diselesaikan. Pemikiran kritikal juga melibatkan proses menilai pemikiran mengenai hujah yang masuk ke dalam kesimpulan yang kita telah capai atau faktor yang dipertimbangkan dalam membuat sesuatu keputusan.

Menggunakan kemahiran pemikiran kritikal pada setiap hari mengambil masa, amalan, dan motivasi untuk memerlukan usaha tambah yang diperlukan. Dengan tumpuan mereka pada pelbagai aspek tingkah laku dan proses mental yang mentadbir segala urusan manusia, kursus psikologi terutamanya menjadi tempat-tempat yang sesuai dalam membantu pelajar untuk memperbaiki kualiti dan kemahiran pemikiran kritikal mereka. Sebagai guru, anda boleh menjadi ejen aktif dalam memotivasikan mereka untuk berbuat demikian. Terdapat banyak cara di mana anda boleh menggalakkan dan memberi ganjaran kepada pemikiran kritikal. Pemikiran kritis juga amat berfaedah dalam memberikan peluang kepada pelajar untuk meneroka cabaran sehingga membawa kepada perubahan dalam diri mereka (Suppiah Nachiappan, et. al., 2009).

## **GAYA PENGAJARAN DAN SAIZ KELAS**

Kaedah pengajaran yang anda belajar dan gaya pengajaran anda boleh menjadi maju, jadi anda mesti menyesuaikan diri mereka untuk menampung saiz kelas yang berbeza. Prospek mengajar kelas yang besar juga mungkin membuat anda untuk mengubah struktur pengajaran dan mungkin menghabiskan lebih banyak masa pada syarahan dan kurang memberi perhatian terhadap demonstrasi bilik darjah dan aktiviti-aktiviti lain. Kelas yang besar mungkin menyebabkan guru terputus hubungan dengan pelajar. Ia adalah lebih sukar (mungkin mustahil) untuk belajar dan ingat semua nama pelajar atau untuk menjejaki setiap apa yang mereka lakukan.

Hakikatnya, kelas yang besar cenderung kepada kebisingan, sesak dan sibuk dan kurang kondusif untuk pelajar dan guru berbual sebelum dan selepas kelas boleh membuat pelajar dan guru merasa asing daripada proses pendidikan. Dalam keadaan ini, tidak hairanlah bahawa banyak guru yang cenderung untuk tiba di saat-saat akhir, menyampaikan syarahan dan membenarkan bahkan menggalakkan pelajar untuk mendengar secara pasif. Namun, ia boleh didapati walaupun dalam kelas yang besar untuk mengajar secara berkesan dan untuk menggalakkan pembelajaran aktif dan pemikiran kritikal menggunakan versi khusus kuliah, demonstrasi, perbincangan, pembentangan dan kaedah lain yang telah diterangkan sebelum ini. Perancangan dan organisasi adalah kunci kejayaan untuk menghadapi cabaran dan mengimbangi keperluan dalam menyampaikan pelajaran dalam kelas yang besar.

### **HARI TERAKHIR KELAS**

Selepas semua perancangan anda dan semua usaha anda, selepas beberapa minggu ada yang baik dan tidak begitu baik dalam menjalani pengalaman bilik darjah, tanpa sedar anda sudah berada di akhir persekolahan. Anda dan pelajar anda akan merasa sedih bila berada di akhir tahun, lebih-lebih lagi jika ia telah berjalan dengan sempurna dan baik, namun anda mesti merasa gembira kerana telah berjaya menyelesaikan satu lagi misi pengajaran dan bersedia untuk berehat untuk beberapa waktu. Bagi hari terakhir dalam kelas, ia memberi peluang kepada pelajar dan guru untuk menutup hari terakhir mereka dengan sesuatu yang sangat berharga. Sebagai contoh, anda boleh meluangkan sedikit masa pada hari terakhir kelas, dengan merumus pelajaran, mengkaji semula sukatan pelajar, dan berbincang mengenai matlamat pengajaran dan pembelajaran. Anda juga boleh menyuruh pelajar untuk membuat peta yang menggambarkan aspek-aspek utama kandungan pelajaran (Lucas dan Bernstein, 2005).

### **RUMUSAN**

Gelaran sebagai seorang guru itu memberi maksud bahawa guru memikul tanggungjawab dan amanah yang berat. Tugas pendidik itu tidak hanya merupakan amanah Allah semata-mata, bahkan ia adalah amanah ibu bapa yang menghantar anaknya ke sekolah dan juga amanah negara untuk melahirkan generasi baru yang berkualiti. Seorang guru itu perlu berusaha gigih melakukan pelbagai perkara untuk menawan hati setiap pelajar. Namun, usaha tersebut sebahagiannya tidak berjaya. Walau bagaimanapun guru perlu terus berusaha dan tidak mudah berputus asa demi menjayakan pengajaran dan pembelajaran seterusnya merealisasikan hasrat murni pendidikan Islam.

### **RUJUKAN**

- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri (2007), *Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Malaysia: Penerbit UTM Press.
- Mok Soon Sang (2011). *Pedagogi untuk pengajaran & pembelajaran*. Malaysia: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Mok Soon Sang (2011). *Psikologi Pendidikan*. Malaysia: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Sandra Goss Lucas, Douglas A. Bernstein (2005). *Teaching Psychology A Step By Step Guide*. London:Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abd. Aziz Abd. Shukor, Ramlah Jantan, Roslinda Mustapha, Hazalizah Hamzah (2009). *Pembelajaran Dan Perkembangan Pelajar*. Malaysia: Penerbit Oxford Fajar Sdn. Bhd.